

Headline	Kesan virus HIV melalui protein		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	Nor Azma Laila	AdValue	RM 12,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,602



Kesan virus HIV melalui protein

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Penyelidik Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Dr Ruslinda A Rahim, berjaya menghasilkan produk dikenali sebagai HIV-1 Tat Protein Sensor yang dapat mengesan virus HIV dalam diri individu seawal dua hingga empat minggu jangkitan.

Inovasi itu adalah hasil penyelidikan bermula tahun 2011 yang menggunakan teknologi nano dan sistem elektrik untuk mengesan kehadiran virus berkenaan dalam badan manusia melalui sampel protein dalam tubuh penghidap HIV.

Kaedah saringan itu juga berupaya menunjukkan tahap jangkitan sama ada

baru atau lama, sekali gus membolehkan individu terbahit mendapatkan rawatan segera.

Sambil menjelaskan objektif utama penghasilan produk itu ialah untuk mengekang jangkitan HIV, Dr Ruslinda berkata, mereka yang mendapat tahu lebih awal boleh mengambil langkah sewajarnya untuk mengelakkan pemindahan virus berkenaan kepada orang lain.

Pemeriksaan awal

"Kebanyakan produk atau alatan dalam pasaran sedia ada menggunakan sampel darah dan tidak menunjukkan tahap jangkitan dialami. Ada juga kes seseorang mendapat

tahu dijangkiti HIV tetapi sudah berada pada peringkat

akhir dan memindahkan virus itu tanpa disedari.

"Oleh itu, saya berharap produk ini dapat dikomersialkan dan seterusnya digunakan orang ramai, terutama golongan berisiko seperti pekerja seks atau penagih dadah untuk membuat pemeriksaan awal bagi mengelakkan pemindahan virus itu kepada orang lain," katanya.

Produk hasil penyelidikan yang dijalankan bawah Institut Kejuruteraan Nano Elektronik UniMAP itu boleh dimanfaatkan dalam bidang perubatan kerana menjimatkan kos dan masa.

Inovasi itu pernah memenangi beberapa anugerah seperti Pingat Emas pada Pameran Inovasi dan Reka Cipta Antarabangsa (ITEX) 2013 dan 2014 serta Pingat Gangsa

pada Pameran Reka Cipta Antarabangsa Seoul (SIIF) 2015, selain meraih pengiktirafan L'Oreal-UNESCO For Young Women in Material Sciences.

Pencapaian bermakna

Terdahulu, penyelidikan mengesan protein HIV-1 Tat menggunakan bahan nano berlian dalam sistem elektrik itu turut menarik minat University College London di United Kingdom yang menawarkan Royal Society Newton Mobility Grants untuk pembiayaan.


Dr Ruslinda berkata, kerjasama diperoleh daripada pelbagai pihak meliputi peringkat antarabangsa dan Majlis AIDS Malaysia adalah suatu pencapaian bermakna dalam usaha menangani isu jangkitan HIV.

info

HIV-1 Tat Protein Sensor

- Dapat mengesan virus HIV seawal dua hingga empat minggu jangkitan.
- Menggunakan teknologi nano dan sistem elektrik.
- Menggunakan sampel protein dalam badan.
- Mampu menunjukkan tahap jangkitan.
- Menjimatkan kos dan masa.

Headline	Kesan virus HIV melalui protein		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	04 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Varsiti	Circulation	125,514
Page No	V4	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	365 cm ²
Journalist	Nor Azma Laila	AdValue	RM 12,534
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,602



Dr Ruslinda menunjukkan inovasi HIV-1 Tat Protein Sensor dihasilkan.